

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31/12/2018

Tun pegang janji

■ PUTRAJAYA 30 DIS.

WALAPUN ada usul agar beliau memajukan tempohnya mengetuai kerajaan sehingga Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15), Tun Dr. Mahathir Mohamad tetap dengan pendiriannya untuk melepaskan jawatan Perdana Menteri kepada Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) turut menegaskan, sesuatu janji itu perlu dipegang

dan ditepati.

"Itu pendapat mereka tapi kena pegang kepada janji," katanya ketika ditemui pemberita pada Perhimpunan Agung Tahunan Bersatu Kali Kedua di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas usul perwakilan Kelantan dalam sesi penggulungan secara tertutup pada perhimpunan parti itu hari ini yang mencadangkan agar beliau memegang jawatan Perdana Menteri sehingga PRU-15.

Menurut Perdana Menteri, beliau mengakui tidak tahu sejauh mana ahli parti bersetuju dengan usul tersebut.

"Mana saya tahu (bersetuju atau tidak), tetapi ramai yang berdiri," katanya.

Dalam ucapan penggulungannya, Dr. Mahathir berkata beliau perlu berpegang kepada janji untuk menjadi Perdana Menteri sementara di sebalik desakan agar beliau terus memegang jawatan itu sehingga pilihan raya umum.

"Satu ketika dahulu kita adalah pembangkang, kita menuhkan sebuah parti dan kita harap parti itu akan dapat sokongan orang Melayu.

Tetapi kalau kita dapat sokongan orang Melayu sahaja tanpa parti lain, saya tak yakin kita boleh dapat kemenangan.

"Kita telah

"Kita telah berunding dengan rakan-rakan kita dan satu daripada syarat yang dikenakan ialah perdana menteri dan bekas musuh ketat mereka ini jadi perdana menteri buat sementara sahaja."

DR. MAHATHIR MOHAMAD

berunding dengan rakan-rakan kita dan satu daripada syarat yang dikenakan ialah Perdana Menteri dan bekas musuh ketat mereka ini jadi Perdana Menteri buat sementara sahaja.

"Untuk ini kita perlu korban, saya perlu korban dan terima syarat itu kerana yang utama bukan jadi Perdana Menteri tetapi menjatuhkan Najib (Datuk Seri Najib Razak)," katanya.

Ditanya mengenai perkara ini di sidang akhbar selepas itu, Dr. Mahathir berkata, ada orang berpandangan tempoh dua tahun yang disebut itu terlalu pendek untuk mentadbir negara.

Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak dibincangkan dengan Anwar bila mereka bertemu pada jamuan malam. Beliau tidak menyatakan bila berlangsungnya jamuan dengan Anwar, yang beliau sifatkan sebagai bakal Perdana Menteri itu.



DR. MAHATHIR MOHAMAD mengulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Tahunan Parti Pribumi Bersatu Malaysia Kali Kedua di Putrajaya, semalam.

UM - 31/12/2018 m/d: 2